

15/12/1998

Bayaran RM400 akhir bulan

Badrila Jamlus

KUALA LUMPUR, Isnin - Kira-kira 847,000 kakitangan awam di seluruh negara akan menerima bantuan kewangan RM400 seorang sebelum akhir bulan ini berikutan pengumuman Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, pada 2 Disember lalu.

Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Tan Sri Dr Mazlan Ahmad, berkata pihaknya sudah mengeluarkan surat pekeliling kepada semua Ketua Setiausaha Kementerian dan Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK) mengenai pemberian bantuan berkenaan.

"Sejauh yang saya ketahui, saya sudah buat secepat mungkin untuk mengeluarkan surat pekeliling itu selepas pengumuman itu keesokannya dan menerima surat kebenaran daripada Kementerian Kewangan berhubung pemberian bantuan berjumlah RM400," katanya selepas menghadiri majlis perpisahannya di Kompleks JPA di sini hari ini.

Bagaimanapun, beliau berkata terpulang kepada ketua jabatan masing-masing untuk melaksanakan segera arahan yang diberikan kerana surat pekeliling sudah diedarkan.

Awal bulan lalu, kerajaan bersetuju memberi bantuan kewangan RM400 seorang kepada kakitangan awam bagi membantu mereka menangani masalah perbelanjaan sekolah anak-anak dan keperluan lain, tahun ini.

Dr Mahathir ketika mengumumkan perkara itu berkata, walaupun ekonomi dan kewangan kerajaan begitu berkurangan sehingga negara mengalami defisit RM16 bilion tahun depan, kerajaan menyedari masalah yang dihadapi kakitangannya.

Terdahulu, pada majlis perpisahannya, Tan Sri Dr Mazlan Ahmad meminta semua kakitangan awam berusaha mempertahankan imej dan meningkatkan lagi perkhidmatan.

Beliau dalam ucapan perpisahannya berkata, semua pegawai dan kakitangan juga harus memahami dan menerapkan budaya kerja profesionalisme dalam semua urusan.

Dr Mazlan berharap kakitangan awam akan memberikan sumbangan terbaik kepada kementerian dan jabatan masing-masing demi menjaga nama baik kerajaan.

Beliau yang menamatkan perkhidmatannya hari ini selepas berkhidmat selama 32 tahun dengan JPA dan tiga tahun memegang jawatan sebagai Ketua Pengarah JPA akan diambil alih oleh Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri, Datuk Samsudin Osman.

Dr Mazlan sebelum ini pernah memegang jawatan sebagai Pengarah Intan, pada 1984 dan Datuk Bandar Kuala Lumpur pada 1992 sebelum memegang jawatan Ketua Pengarah JPA pada 1995.

Turut hadir ialah Timbalan Ketua Pengarah 1 JPA, Datuk Abdul Wahab Adam dan Timbalan Ketua Pengarah II JPA, Datuk Khalil Hussin.

(END)